



Ibu Pejabat/  
Headquarters

# Parti Bersatu Sabah (PBS)

(Sabah United Party / Paati Pisompuuvan Sabah / 沙巴團結黨)

Office Address: Block M, Lot 4, 2<sup>nd</sup> & 3<sup>rd</sup> floor, Donggongan New Township, 89500 Penampang, Sabah.

Postal Address: P.O. Box 13066, 88834 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Tel: 088-702111, 702116 Fax: 088-718067

Website: <http://www.pbs-sabah.org> Email: [pbshq@pbs-sabah.org](mailto:pbshq@pbs-sabah.org)



Ruj: PBS(HQ)/PR/DUN/DR/08

Tarikh: 25 November 2011

Setiausaha  
Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung  
Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya  
Parlimen Malaysia  
Bangunan Parlimen  
Jalan Parlimen  
**50680 KUALA LUMPUR**

Tuan,

**MEMORANDUM PBS  
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES/SISTEM  
PILIHANRAYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormat dan penuh takzimnya, izinkan saya mengemukakan memorandum tersebut di atas.

2. Sebagai makluman, ini adalah lanjutan daripada memorandum yang saya telah serahkan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas di bangunan Parlimen selepas memberi 'representation' pada 1 November 2011.

Sekian, terima kasih.

[ Y.B. DATUK RADIN MALLEH, J.P. ]  
Naib Presiden PBS

*Su/PRK.P*  
*Sila ekatkan*  
*salinan ke*  
*AG's FR.*  
*[Signature]*  
*25/11/2011*

**MEMORANDUM PBS**  
**UNTUK**  
**JAWATANKUASA PILIHAN KHAS**  
**PARLIMEN MALAYSIA**  
**25HB. NOV 2011**

**PENDAHULUAN**

1. Tidak dapat di nafikan, memang terdapat keluhan dan rungutan serta kekecewaan rakyat khususnya parti-parti politik dan juga NGOs terhadap sistem pilihanraya di negara ini. Mereka mencabar kewibawaan, ketelusan dan integriti SPR. Berbagai-bagai tohmahan dan dakwaan terhadap SPR telah di lemparkan tentang dakwaan ketidakadilan SPR mengendalikan penjalanan dan proses Pilihanraya itu sendiri.

2. Dalam pada itu pihak pucuk pimpinan Kerajaan telah mendengar segala rintihan rakyat terutama sekali mereka yang kurang berpuashati berhubung dengan proses Pilihanraya di Negara ini. Justeru, demi untuk keadilan dan kesaksamaan semua pihak maka sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab bersedia untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan penambahbaikan proses pilihanraya bagi mengkaji perkara-perkara berkaitan penjalanan dan proses pilihanraya di Malaysia di Dewan Rakyat pada 3 Oktober 2011.

3. Di dalam kesempatan ini, PBS cuba memberi gambaran tentang perjalanan dan proses pilihanraya yang telah di adakan beberapa tahun terdahulu mengikut penglihatannya. Mudah-mudahan ianya akan dapat memberi gambaran dan cadangan untuk kebaikan bersama.

### **3.1. Proses Pendaftaran Pemilihan**

Proses pendaftaran pemilih terlalu tergesa-gesa. SPR beria-ia sangat atau terlalu ghairah mendaftar di mana boleh mengakibatkan orang yang tidak layak atau mereka yang bukan warganegara pun terdaftar menjadi pemilih, sedangkan kita belum ada undang-undang yang mewajibkan seseorang itu menjadi pemilih atau mengundi di dalam sesuatu pilihanraya.

Tempoh pendaftaran pemilih dan pameran/bantahan terhadap daftar pemilih pun terlalu singkat. Begitu juga nama-nama pemilih yang sudah berdaftar di dalam daftar pemilih yang sudah di wartakan juga tidak boleh di semak semula. Ini mengakibatkan mereka yang tidak layak menjadi pemilih terus berada di dalam waran daftar pemilih kerana tidak dapat di hapuskan/di keluarkan seperti yang berlaku di Sabah.

**Cadangan:** Proses pendaftaran pemilih dan pameran/bantahan terhadap daftar pemilih mesti di kaji semula. Semakan semula terhadap pemilih yang berdaftar seharusnya di bolehkan untuk membersihkan daftar pemilih. Di kepilkan surat laporan saya kepada BPR bil. ADUN(MLP/BPR/2000-04 bertarikh 11 Disember 2000. Di Sabah, mungkin lebih 70 ribu nama yang di ragui masih di dalam daftar pemilih. Mohon maaf

senarai nama-nama dan kad pengenalan mereka telah di hantar ke BPR, KL (SPRM) bersama-sama dengan surat berkenaan. Bagaimanapun, memang tidak di nafikan bahawa SPR ada juga menggugurkan beberapa ribu nama-nama pemilih tetapi adalah di percayai ramai lagi yang masih dalam daftar pemilih di antaranya mereka yang memegang nombor-nombor Kad Pengenalan berikut:-

<b>DARIPADA</b>	<b>HINGGA</b>
H 0288001	H 0384000
H 0480001	H 0576000
H 0609201	H 0610000
H 0658001	H 0658200
H 0658401	H 0659000
H 0666001	H 0666400
H 0540001	H 0547114
H 0547115	H 0549999
H 0550001	H 0553999
H 0539801	H 0539999
H 0492001	H 0494500
H 0352035	H 0509999
H 0510000	H 0529996
H 0530000	H 0563998

{ Nota: Pameran kepada 42, 051 terhadap nama-nama yang di ragui pada 27/10/2011 adalah untuk pemeriksaan semula untuk mengesahkan kelayakan dan kesahihan para pemilih berkenaan dan bukannya suatu proses bantahan}.

### **3.2. Pendaftaran dan Penyemakan Daftar Pemilih Pos**

Daftar Pemilih Pos yang terdiri daripada anggota keselamatan mestilah di kemaskinikan, kerana ada di antara mereka yang telah berpindah tempat tetapi nama mereka masih tercatat di markas/pengkalan di mana mereka bertugas dahulu.

### **3.3. Semasa Pembuangan Undi**

Semasa pembuangan undi sedang berjalan bermacam-macam perkara boleh berlaku. Di antaranya adalah:-

- (a) Dalam keadaan seseorang yang datang mengundi tetapi namanya telah di catatkan sebagai telah datang mengundi.
- (b) Orang yang tidak layak termasuk pendatang asing pun datang mengundi.
- (c) Ada pemilih yang sudah sedia memegang 'Voting Slip' yang bukan di keluarkan di tempat mengundi.
- (d) Pihak SPR, seperti juga semasa pendaftaran pemilih, terlalu tergesa-gesa atau ghairah sangat supaya yang datang di tempat mengundi harus terus mengundi tanpa memastikan yang orang berkenaan layak mengundi atau tidak, takut konon-konon orang itu di nafikan daripada hak mengundi, sedangkan belum ada undang-undang yang mewajibkan yang seseorang itu mesti

mengundi. Bagaimana pula kalau seseorang itu dapat mengundi, walhal dia tidak layak menjadi pemilih kerana menggunakan nama yang tercatat di dalam daftar pemilih atau kad pengenalan palsu atau dia sebenarnya pendatang asing tanpa izin.

- (e) Bermacam-macam dokumen di bawa oleh seseorang untuk membuang undi seperti resit JPN. 1/9, JPN. 1/11 dan JPN. 1/22, lesen memandu dan paspot, sedangkan kita mempunyai Kad Pengenalan. Sungguhpun Kad Pengenalan boleh di palsukan, namun agak senang untuk memeriksa atau menguji benar tidaknya atau kesahihannya sebab kita menggunakan Kad Pengenalan itu sendiri dan bukannya dokumen-dokumen lain.

**Sebagai penjelasan:-**

JPN. 1/9 - Di dikeluarkan seperti di Jadual Kedua mengikut peraturan 5 (5). Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990. Dokumen ini di dikeluarkan kepada warganegara Malaysia yang baru memohon Kad Pengenalan. Pada lazimnya warganegara Malaysia yang mencapai umur 12 tahun di mestikan memohon Kad Pengenalan. Oleh kerana seseorang warganegara Malaysia itu baru memohon Kad Pengenalan, maka logiknya dokumen JPN. 1/9 tidak atau belum mengandungi nombor Kad Pengenalan. Dan tambahan pula, oleh kerana ianya belum mencapai umur 21 tahun, maka seseorang warganegara Malaysia itu belum layak mendaftar sebagai

pemilih seperti yang di nyatakan dalam Fasal 1 Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan.

JPN. 1/11 - Di dikeluarkan seperti di Jadual Ke empat mengikut peraturan 13. Pertaruan-peraturan Pendaftaran Negara 1990. Dokumen ini di dikeluarkan kepada warganegara Malaysia yang sudah mempunyai Kad Pengenalan tetapi Kad Pengenalannya sama ada telah hilang, musnah atau cacat (rosak). Bagaimanapun, JPN. 1/11 tidak di iktiraf sebagai Kad Pengenalan seperti yang di nyatakan di dalam ruang peringatan yang spesifik seperti yang terdapat di dalam dokumen itu sendiri.

JPN. 1/22 - Di dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara kepada seseorang warganegara Malaysia yang mempunyai Kad Pengenalan biru dan telah memohon untuk menukarkan kepada Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT). Ini bermakna warganegara berkenaan masih memegang Kad Pengenalan birunya di samping JPN. 1/22.

(f) Untuk mengelakkan pemilih mengundi dua kali, jarinya patut di tanda dye/dawat tertentu. Sistem biometrik mungkin tidak berkesan terutama sekali kalau terputus kuasa/bekalan elektrik.

#### **4. Ulangkajian Bahagian-bahagian Pilihanraya**

Proses ulangkajian ini mestilah di buat mengikut prinsip-prinsip berhubung dengan persempadanan Bahagian Pilihanraya seperti yang di peruntukkan di bawah jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Ini akan memberi manfaat kepada kawasan itu dan penduduk setempat. Ulangkajian ini mestilah bebas daripada elemen-elemen 'gerrymandering', di samping itu unsur-unsur dan cara-cara membawa pembangunan di kawasan berkenaan mestilah juga di ambil kira. Kalau tidak, itulah berlaku kawasan-kawasan yang besar dan terletak jauh terpencil di luar bandar, tertinggal jauh di segi pembangunan.

## **Penutup**

5. Kita sedar di pihak pucuk pimpinan Kerajaan tulus ikhlas dengan gigih cuba untuk menambahbaik perjalanan dan proses pilihanraya melalui Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Malaysia ini. Justeru, ianya memerlukan usaha dan kerjasama daripada semua pihak bukan saja daripada parti-parti politik, NGOs, pertubuhan-pertubuhan/persatuan-persatuan tetapi SPR itu sendiri yang di amanahkan mengendalikan perjalanan dan proses Pilihanraya untuk memulihkan kembali nama baiknya yang tercemar selama ini.





# YB. RADIN MALLEH

Ahli Dewan Undangan Negeri N. 30 Melalap  
W. D. T. No. 31,  
89909 Tenom, Sabah, Malaysia.  
Tel / Fax : 087-736332

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ADUN/MLP/BPR/2000-04

Tarikh : 11 Disember 2000

Yang Berbahagia  
Datuk Ahmad Zaki Husin  
Ketua Pengarah  
Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah (BPR)  
Peti Surat 6000  
Persiaran Duta  
50988 Kuala Lumpur

YBhg Datuk,

**PER: PENGELUARAN KAD PENGENALAN KEPADA PENDATANG ASING  
TANPA IZIN TANPA MENGIKUT PERUNTUKAN UNDANG-  
UNDANG DAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya, izinkan saya merujuk surat daripada Pejabat YBhg Datuk bilangan BPR/SBH: 30/5/3.4 bertarikh 30 September 2000 dan seterusnya saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada YBhg Datuk dan BPR di atas sambutan yang positif terhadap aduan saya tempoh hari demi kesejahteraan rakyat dan kedaulatan negara.

2. Untuk rujukan pihak BPR menjalankan penyiasatan yang terperinci, disini saya kemukakan senarai nama dan Kad Pengenalan yang diragui kesahihan pengeluarannya. Senarai berkenaan adalah seperti berikut:-
  - 2.1 - Sejumlah 73,720 orang yang dipetik daripada Daftar Pemilih Negeri Sabah seperti diLampiran A.
  - 2.2 - Sejumlah 55,583 orang yang dikirim melalui pos pada bulan Mac 1999 kepada saya seperti diLampiran B.
  - 2.3 - Dua buah naskah buku bertajuk, "IC PALSU MERAMPAS HAK ANAK SABAH" oleh Mutalib M.D. seperti diLampiran C. Buku-


buku ini memberi maklumat tentang pengeluaran haram Kad Pengenalan terutama sekali di daerah Lahad Datu.

3. Saya berharap benar bahan-bahan ini dapat membantu BPR menyiasat secara menyeluruh dan mengambil tindakan mengikut undang-undang berhubung dengan pengeluaran haram Kad Pengenalan di Sabah. Disini, sekali lagi saya menekankan dan menggesa BPR supaya memeriksa dan menyiasat secara fizikal dan terperinci semua rekod permohonan dan pengeluaran Kad Pengenalan yang berkenaan. Kita hendak tahu siapakah dalang dan pegawai-pegawai yang mengeluarkan Kad Pengenalan itu dan kemudian kita hendak tahu juga siapakah sebenarnya pemohon atau pemegang Kad Pengenalan berkenaan. Bagaimana mereka memiliki Kad Pengenalan sewenang-wenangnya dengan hanya menggunakan Sijil Akuan Palsu yang mendakwa mereka ini lahir di Sabah sedangkan mereka bukan sedemikian dan tiada Sijil Kelahiran dan tanpa dokumen-dokumen yang sah berkaitan dengan ibu-bapa dan saudara-mara mereka serta kita tidak tahu latar belakang mau pun asal-usul mereka.
4. Berdasarkan apa yang disebutkan di atas, maka saya mempunyai penuh keyakinan dan kepercayaan bahawa BPR akan dapat membanteras dan menghentikan pengeluaran haram Kad Pengenalan kepada pendatang asing tanpa izin di Sabah. Ini penting demi keluhuran Perlembagaan, kedaulatan Undang-Undang dan Negara serta masa depan rakyat Malaysia khususnya di Sabah.

Sekian, terima kasih.

**"Bersatu Membela Negeri Sabah DiAlaf Baru"**

Yang berusaha,

  
( **RADIN MALLEH** )  
*Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah  
Kawasan N30 Melalap  
Merangkap Setiausaha Agung PBS*

sk: *Fail.*

# The Borneo

The Borneo Post dd 30-5-97

The Largest English

Estd. 1978 PPH 171/9/96

S A B



Finding real parents  
after 33 years - P4

July 22 launch of  
volunteer corps - P6

## Pirated diskettes seized

KOTA KINABALU, Thurs. - Enforcement officers from the Trade and Consumer Affairs Ministry today seized about 300 pirated computer diskettes and CD-ROMS from two shops at Centre Point and Karamunsing here today.

This was the first seizure of pirated diskettes and CD-ROMS in Sabah this year which originated from West Malaysia. -BP

# Commission will investigate 70,000 phantom voters in Sabah

KOTA KINABALU, Thurs. - The Election Commission (EC) will investigate into a claim made by Parti Bersatu Sabah (PBS) that over 70,000 people in the State have used fake identity cards to register as voters during the current voter registration exercise.

EC officer Zaidullah Haji Jantan confirmed receiving the lists of names from Tenom member of parliament Radin Malleh and two others whom they suspected had used the forged identification documents to have their names registered as voters.

The lists, which were handed over to the EC office at the Federal House in Sembulan this afternoon, also contained the numbers of the suspected forged identity cards.

They are from H0352035 to H0509999, H0510000 to H0529996, H0530000 to H0563998, H0540001 to H0547114, H05047115 to H05449999, H0550001 to H0553999, H05039801 to H0539999 and H0492001 to H0494500.

Radin claimed that the disputed lists covered voters throughout the State.

The latest electorate rolls for Sabah have 675,786 voters.

Radin, who is also the PBS secretary-general, meanwhile took the Sabah Umno Youth chief to task for asking the Sabah Electricity Board (SEB) administration to resign if it cannot quickly restore electricity supply in the State.

He said it was not fair to put the blame totally on the SEB administration if the frequent blackout in Sandakan and other parts

of the State was caused by poor quality of parts and generators supplied to SEB.

Radin was commenting on the call made by Sabah Umno Youth chief Jema Khan yesterday for the resignation of the SEB management if they failed to overcome the power interruption in the State.

Jema said the problem had reached a serious level and it could not be tolerated because it affected development in the State.

Radin, who questioned the crux of the matter, asked: "Is it because of the administration of SEB or is it due to the poor quality of parts of the engines and generators? Or worse still, is it because the government has no money to put right the situation in restoring the electricity supply in the State?"

He recollected the reason for transferring the administration of SEB to the Federal Government by the former Berjaya government was for the efficiency and effectiveness of the SEB in generating electricity supply and also for lower tariff.

However, to date, he said neither did we have the much better electricity supply nor the lower tariff.

The government, he added, should look into the matter seriously as it had come up to the national level at the expense of the people of Sabah.

If the situation is not rectified immediately, then the slogan, 'Malaysia Boleh' remains a mere utterance in its words only because it cannot translate into reality, he pointed out. -BP

# Three categories of phantom voters: PBS

D/EP. 218-99. 10-1-199

KOTA KINABALU: Parti Bersatu Sabah (PBS) wants the Election Commission (EC) to confirm whether it has re-gazetted the current electoral rolls.

"If so, we would also like to know whether the questionable 560,000 names detected in the electoral rolls in 1990 have been dropped," PBS Sec-Gen Radin Malleh said.

He said the party's query is made in view of the coming Parliamentary election.

Radin said Election Commission Chairman Datuk Omar Mohamed Hashim recently stated that computerised electoral rolls cleansing is helping EC to purge non-citizens trying to register as voters.

"At the same time, Omar said the perennial task is also to help remove those attempting double registration and the cleansing is possible by computers linking EC with the National Registration Department (NRD) data-base," Radin said.

The Tenom Member of Parliament who is also Melalap Assemblyman disagreed with Omar's claim that the term phantom voters is only cooked up and harped on by certain quarters to suit their political ends.

Radin said Sabah has three categories of phantom voters of which one are those foreigners who are illegally given ICs and voter's certificate.

He said the other kind are foreigners with fake ICs who managed to register as voters and the third category is foreigners registered as IC holders and voter certificates belonging to dead locals.

According to Radin, PBS have submitted no less than 100,000 names of voters registered in the electoral rolls to the Election Commission in Kota Kinabalu to be verified with the National Registration Department.

"We hope both the EC and NRD have carried out their duties and responsibilities professionally, diligently and efficiently," he stressed.

Meanwhile, Radin urged Tan Sri Suffian Koroh to stop using his name to lure PBS supporters especially the Muruts to join Barisan Nasional.

"I was inundated with calls Thursday inquiring me whether it was true that I was following Suffian to join Parti Demokratik Sabah (PDS)," he said.

Towards this end, he assured PBS leaders and supporters that he has no plans to abandon the party but instead continue to subscribe to the struggle of PBS to unite the people.

"I still hold to the view that one day the multi-racial people of Sabah would come together and stand for a common cause irrespective of their racial or religious background", Radin said.

## EC to display 42,051 doubtful names of electors Thursday

KUALA LUMPUR: The Election Commission (EC) will display the list containing the names of 42,051 electors whose records are unverifiable, for a week from Thursday.

In a statement yesterday, the EC said the list would be displayed together with the electoral roll for third quarter of 2011 in 987 locations nationwide.

The list of doubtful names was not for the purpose of objection, but for verification by the electors and their next-of-kin, it said.

"If the electors found their names in the list, then they should clear the matter with the National Registration Department and sort out their identification records, before referring the matter back to the EC," it said.

On the electoral roll for the third quarter of 2011, he said it contained 264,404 applications for new registrations and 52,215 for a change in address.

It added that those who have been registered during the exercise from July to September but found their names missing from the list should present their case by filling up Form B and send it to the state EC offices within seven days from the date of display.

Objections to the names in the electoral roll can be made by filling up Form C, it said, reminding the public, however, not to make objection for the sake of objecting, but should be accompanied by valid reasons.

The EC will also display the names of those to be removed from the list.

Between July and September, the commission removed 69,293 names of those who have died as well as 1,068 names of those who were no longer holding citizenship.

Meanwhile, in an interview in Putrajaya, EC chairman Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof said it was important for the public to scrutinise the electoral rolls.

"The problem is, many of them take this for granted, thinking they automatically qualified to become electors after filling up the registration form. There could be mistakes in how the form is filled and so on," he said.

On objections to the electoral roll, he said, it should be done responsibly because it could bring about major consequences such as delaying the verification of the voters' list for a constituency.

The EC would investigate all objections, he said adding that objection should be with basis because it could result in the electors concerned being unable to vote. — Bernama